

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROFESOR DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA**

**04 September 2014, 10.30 pagi  
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

## **SALUTASI**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching  
Timbalan Menteri Pendidikan I

Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md. Yunos Bin Husin  
Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau  
Dan Inovasi Negeri Melaka

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail  
Penolong Naib Canselor (Jaring Industri dan Masyarakat)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Wakil Media Massa

Jawatankuasa Pelaksana MHS, para fasilitator MHS

Mahasiswa dan mahasiswi baru Universiti Teknikal Malaysia Melaka seterusnya hadirin yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun bersama warga baru UTeM iaitu Siswa dan Siswi sempena Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2014/2015 Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang berlangsung mulai **1 hingga 6 September 2014.**

2. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan serta merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia 1 yang mewakili Menteri Pendidikan II di atas kesudian hadir bersama ke majlis ini. Kesudian Yang Berhormat Datuk hadir pada pagi ini di dalam kesibukan menjalankan tugas amatlah kami hargai dan ianya memberi dorongan dan semangat kepada warga Universiti seluruhnya untuk terus berusaha gigih mencipta kecemerlangan diri dan universiti.
3. Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada mahasiswa dan mahasiswi yang telah memilih serta berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga Universiti Teknikal Malaysia

Melaka secara rasminya. Rasa bertuah ini amat penting disedari agar peluang yang diberi ini tidak disia-siakan.

4. Sebagai makluman bersama, kemasukan pelajar baru Ijazah Sesi I 2014/2015 adalah seramai **2,077 pelajar** iaitu **270** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik, **228** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, **247** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, **261** orang bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, **217** orang bagi Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, **339** orang bagi Fakulti Teknologi Maklumat & Telekomunikasi serta **515** orang bagi Fakulti Teknologi Kejuruteraan.
5. Suka ingin saya maklumkan Minggu Haluan Siswa ini turut disertai oleh **278** pelajar Diploma yang telah mendaftarkan diri bagi semester khas

6

permulaan pada bulan Jun yang lepas, menjadikan bilangan keseluruhan mahasiswa dan mahasiswi yang berada di dalam dewan pada petang ini adalah seramai **2,355** orang.

6. Selamat Datang ke “Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 752 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat”.

**Kapal dagang dari seberang, Sarat muatan kayu api,  
Dari jauh tuan datang, Kami di sini sedia menanti.**

7. Saya pasti kehadiran mahasiswa dan mahasiswi untuk memulakan sesi pengajian di sini bakal menempuhi suatu pengalaman yang sukar untuk dilupakan.

Yang Berhormat Datuk, Mahasiswa dan Mahasiswi yang dihormati sekalian,

8. Program Minggu Haluan Siswa yang dianjurkan oleh Universiti pada setiap tahun merupakan komitmen kami di UTeM untuk memberi perkhidmatan yang terbaik menerusi pengisian slot penerangan kepada mahasiswa dan mahasiswi sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada komuniti gedung ilmu. Minggu Haluan Siswa juga merupakan platform kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di Universiti. Ambillah kesempatan ini untuk menjalinkan ikatan silaturrahim dan mengenali antara satu sama lain, memandangkan latar belakang mahasiswa dan mahasiswi semua



- terdiri dari pelbagai kaum dan dari negeri yang berbeza. Kenali dan jadikan mereka ini sebagai rakan dan sahabat untuk meneruskan kehidupan di kampus Universiti.
9. Di sepanjang program berlangsung, seramai **143** orang fasilitator terlatih akan membantu mahasiswa dan mahasiswi baru mengenali dan menyesuaikan diri akan kehidupan di kampus. Justeru, saya menasihatkan kepada semua mahasiswa dan mahasiswi gunakanlah peluang ini untuk mendapatkan bimbingan dan panduan dari fasilitator, bertanyalah apa juga kemusykilan berhubung perjalanan pembelajaran dan sebagainya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan nama Kolej Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KUTKM). Pada 1 Februari 2007, dengan berlakunya penjenamaan semula maka KUTKM telah bertukar kepada UTeM.
11. UTeM adalah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke 14 di Malaysia dan merupakan Universiti Teknikal Pertama di Malaysia, sekali gus menjadi perintis kepada program pengajian teknikal berasaskan aplikasi dan amalan. Mula beroperasi di Kampus Induk Durian Tunggal pada 2008, kemudahan yang disediakan telah hampir lengkap melibatkan prasarana

seperti Masjid, Pusat Persatuan Pelajar, Kompleks Sukan, Dewan Konvokesyen, Kafeteria dan Perpustakaan.

12. Penubuhan UTeM sebagai peneraju bidang pendidikan teknikal adalah selaras dengan hasrat dan aspirasi negara dalam usaha mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Perkembangan global terkini menunjukkan permintaan yang tinggi bagi tenaga berkemahiran teknikal yang mampu memacu ekonomi perindustrian negara ke arah satu tahap yang membanggakan.
13. Selaras dengan perkembangan terkini bidang teknikal dan teknologi negara, UTeM turut komited dalam usaha untuk melahirkan modal insan berkualiti dalam bidang teknologi kejuruteraan bagi menyokong usaha mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT)

sepertimana yang dihasratkan oleh negara. Sebagai makluman, UTeM merupakan universiti teknikal pertama dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang berjaya menubuhkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan dengan penawaran 10 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan.

14. Dalam usaha untuk terus merintis dan menerajui bidang teknikal dan teknologi, UTeM amat menitikberatkan kualiti dan kecemerlangan program-program akademik yang dijalankan. Program akademik di UTeM digubal dan dirancang bersama pihak industri yang berprestasi tinggi dalam bidang elektrik, elektronik, teknologi maklumat, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

15. Usaha pemerksaan program akademik UTeM diteruskan dengan penawaran 5 program kejuruteraan secara broad base mulai sesi pengajian 2014/2014. Pelaksanaannya melibatkan semua pelajar tahun satu program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Menerusi penawaran program kejuruteraan secara broad base, para pelajar mampu memantapkan lagi penguasaan ilmu kejuruteraan di samping menerapkan ciri-ciri kreatif dan inovatif di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di universiti ini. Pembaharuan ini adalah salah satu usaha UTeM dalam menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti sekaligus mencerminkan komitmen universiti dalam memberi tambah nilai dalam keilmuan dan

kapasiti negara dalam melahirkan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

16. Mahasiswa merupakan kumpulan terbesar dalam mana-mana gedung ilmu. Kumpulan ini menjadi “unit of analysis” kepada pencapaian Universiti secara keseluruhannya. Pihak Universiti sedar akan harapan negara agar graduan yang bakal dilahirkan dapat menguasai ilmu dan kemahiran yang tinggi. Fungsi dan tanggungjawab Universiti kini telah bertambah apabila perlu memikirkan bagaimana mahu menghasilkan graduan benar - benar berkualiti dan mempunyai kebolehan pasaran yang tinggi.

17. Bertepatan dengan tema Minggu Haluan Siswa ini iaitu **Merintis Generasi Gemilang**, mahasiswa dan mahasiswi perlu sedar tentang tanggungjawab dan harapan yang disandarkan kepada mereka dalam meniti ranjau yang penuh cabaran. Untuk memastikan ia menjadi kenyataan, keterampilan sahsiah dan keserjanaan ilmu merupakan persiapan penting dalam mematangkan mahasiswa dan mahasiswi untuk mewarisi kepimpinan dan pembangunan negara di masa hadapan.
  
18. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Datuk Mary Yap Kain Ching kerana sudi melapangkan masa untuk merasmikan majlis pada hari ini. Kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS, Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM, Fasilitator, syabas dan terima kasih atas usaha memastikan program ini berjalan lancar. Kepada seluruh

mahasiswa/i baru, saya doakan semoga maju jaya sepanjang pengajian anda di UTeM.

Tumbuh rendang pohon kepayang  
Tempat hinggap burung kenari  
Kejayaan tidak datang melayang  
Tanpa usaha diri sendiri

YB Menteri datang ke mari  
Dalam majlis penuh nasihat  
Rindu sungguh kami menanti  
Nasihat Menteri sentiasa diingati



Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum wbt.